

23/05/1997

Abu Zahar dilantik Ketua Menteri Melaka (HL)

KUALA LUMPUR, Khamis - Anggota Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Merlimau, Datuk Abu Zahar Isnin, dilantik Ketua Menteri Melaka yang baru, berkuatkuasa esok.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika mengumumkan perkara itu di sini hari ini berkata pelantikan itu dibuat dengan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini bercuti di luar negara selama dua bulan.

"Dengan persetujuan Perdana Menteri, saya mengemukakan nama kepada Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabuddin, untuk melantik Abu Zahar sebagai Ketua Menteri Melaka yang baru," katanya.

Abu Zahar, 58, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri adalah Ketua Menteri Melaka kelapan. Beliau mengisi jawatan itu selepas Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani meninggal dunia pada 14 Mei lalu akibat serangan angin ahmar.

Anwar berkata, Abu Zahar yang pernah bertugas sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka dan ketika ini adalah Ketua Umno Bahagian Jasin, turut dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka yang baru.

"Saya menaruh keyakinan beliau akan dapat meneruskan khidmat cemerlang membangunkan negeri Melaka, di samping terus bertugas sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka," katanya.

Ini adalah pelantikan kedua bagi jawatan Ketua Menteri Melaka dalam tempoh tiga tahun. Mohd Zin dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka pada 14 Oktober 1994, selepas Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik meletak jawatan.

Pelbagai ramalan dibuat mengenai siapa bakal menerajui Kerajaan Negeri Melaka dan selain Abu Zahar, turut disebut-sebut ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ali Rustam.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyerahkan tugas melantik Ketua Menteri Melaka kepada Anwar yang dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri, sejak Isnin lalu.

Mengikut Perlembagaan Negeri Melaka perenggan 19.5, semua kekosongan luar jangkaan perlu dipenuhi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan itu berlaku dan satu pilihan raya hendaklah diadakan sewajarnya.

Abu Zahar yang dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka kelapan adalah pemimpin ketiga dari Umno bahagian Jasin menerajui kerajaan negeri selepas Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Adib Adam.

Beliau juga adalah bekas guru, sama seperti Ghafar, yang menjadi Ketua Menteri pertama dan Allahyarham Mohd Zin.

Abu Zahar mula menjadi wakil rakyat pada 1986 dengan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Rambai.

Beliau berpindah ke kawasan Merlimau pada Pilihan Raya Umum 1995 dan kemudian dilantik Anggota Exco Kerajaan Negeri dengan mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam.

Beliau juga adalah Bendahari Badan Perhubungan Umno Melaka.

Anak keempat daripada tujuh beradik ini dilahirkan di Kampung Merlimau Pasir pada 14 September 1939.

Abu Zahar dan isteri, Datin Khatijah Mohammad Jiddi, mempunyai lima anak perempuan dan seorang lelaki.

(END)